

14 JUL 1997

NAJIB RASMI KONVENSYEN PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Konvensyen dua hari yang dijadual membincangkan perkembangan mutakhir mengenai isu pendidikan negara, dirasmikan malam ini oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak di sini.

Konvensyen itu bermula esok dan akan memberi tumpuan kepada isu-isu kritikal yang perlu ditangani dan cadangan yang boleh memantapkan lagi sistem pendidikan negara dalam menghadapi perkembangan pantas teknologi.

Kira-kira 300 pendidik menghadiri konvensyen yang dianjurkan oleh Persatuan Pendidikan Malaysia itu.

Najib dalam ucapannya berkata beberapa perubahan mendadak yang sedang dilakukan oleh kementerian walaupun dianggap terlalu pantas oleh sesetengah pihak, dirangka secara sistematik dan besepadu.

Sistem pendidikan negara perlu membuat lonjakan berganda kerana masa untuk mencapai Wawasan 2020 terlalu singkat, katanya.

Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya akan menjadi kenyataan setelah sistem pendidikan negara dibangunkan sesuai dengan tuntutan perkembangan masa kini, katanya.

-- BERNAMA

RHM RON